

**Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Jabatan Perdana Menteri**

**KAJIAN PEMANTAUAN PERPADUAN KAUM
DI KAMPUNG MEDAN 2006**

**PROF. MADYA DR. MANSOR MOHD NOR
PROF MADYA DR. PUVENESVARY RAVANTHARANATHE MUTHIAH
MOHD AINUDDIN ISKANDAR LEE ABDULLAH
MOHD DINO KHAIRI SARIFUDDIN**

**FAKULTI PENGURUSAN AWAM & UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
3 NOVEMBER 2006**

RINGKASAN EKSEKUTIF
KAJIAN PEMANTAUAN PERPADUAN KAUM
DI KAMPUNG MEDAN 2006

1. PENGENALAN

Kajian insiden koflik Kampung Medan di antara Melayu dan India pada tahun 2001 telah menunjukkan kebenaran pandangan Dudley Seers (1979) dan David Apter (1987). Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik dan telah dibangunkan dalam pelbagai aspek tetapi di sebalik kejayaan ini, masih wujud segelintir masyarakat yang dibelenggu dengan kemiskinan, pengangguran, peminggiran dan ketidaksamarataan. Oleh itu, kepincangan pembangunan menjadikan sebab untuk setiap etnik mempertahankan kepentingan diri mereka dengan menggembeleng dimensi etnik yang boleh membawa ketegangan dan keganasan. Masalah pembangunan dianggap penyebab kepada konflik etnik ini dan bukan etnik itu sendiri. Paling mengecewakan, kumpulan etnik Melayu dan India di Kampung Medan adalah 'mangsa dua kali', mereka miskin, menganggur dan pinggir dan mereka juga menjadi mangsa keganasan konflik di antara etnik mereka sendiri.

2. LATAR BELAKANG KAJIAN INSIDEN KAMPUNG MEDAN 2001

Dari 9 Mac 2001 hingga ke hujung bulan itu, penduduk yang terdiri dari kaum Melayu, India, Cina dan pekerja asing yang tinggal di persekitaran Kampung Medan telah menyaksikan pertelingkahan kaum di mana 6 kematian dan lebih dari 400 orang ditahan. Pertelingkahan kaum ini mirip pertelingkahan kaum di Kampung Rawa, Pulau Pinang pada 27 Mac 1998. Walaupun bentuk konflik bersifat perkauman, kemiskinan bandar, peminggiran dan pengabaian sosial lebih didapati sebagai faktor utama konflik itu terjadi.

Pihak Keselamatan, Jabatan Perpaduan Negara, Sekretariat PINTAS, Rukun Tetangga, Kerajaan Negeri Selangor dan lain-lain termasuk Pemangku Sultan Selangor sendiri telah turun ke kawasan kejadian untuk menangani dan meredakan konflik yang berlaku.

Setelah tiga bulan berlakunya insiden ini, pasukan kajian dari Pusat Penyelidikan Dasar, Universiti Sains Malaysia diminta untuk menjalankan kajian di atas. Setelah lima tahun kejadian ini berlalu, dicadangkan satu kajian pemantauan 2006 perlu dijalankan bagi mengetahui suasana perhubungan kaum di sana pada hari ini.

3. OBJEKTIF KAJIAN

- i. Untuk mengukur perubahan batas etnik di kalangan masyarakat sebagai proxy pengukuran arah dan tahap perhubungan kaum.
- ii. Untuk mengukur tahap kesejahteraan hidup
- iii. Untuk mengukur perubahan persepsi terhadap perhubungan di antara kaum.
- iv. Menilai impak program perpaduan negara dan pembangunan setempat ke atas keharmonian kaum.
- v. Untuk membandingkan penemuan kajian ini dengan dapatan kajian 2001 :
 - a. Perhubungan Kaum Batas etnik kaum Melayu dan India akan dibandingkan.
 - b. Persepsi Masyarakat Setempat Terhadap Impak Insiden Ke Atas Perhubungan Kaum
 - c. Gambaran tahap keselarasan masyarakat setempat pada masakini akan dibandingkan
 - d. Keutuhan Masyarakat dari segi sistem sosial sokongan yang formal dan tidak formal akan dibandingkan.
 - e. Untuk mendapat pandangan bagi mengukuhkan lagi perpaduan kaum di kawasan setempat

4. METODOLOGI KAJIAN

4.1 Kaedah Pengumpulan Data

- a) Sesi pencambahan fikiran bersama 10 orang responden etnik Melayu dan India yang telah dijalankan di Pejabat Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Selangor, di Petaling Jaya. Ianya membantu untuk memahami kedudukan perhubungan kaum, masalah dan perasaan masyarakat setempat dengan lebih dekat lagi.
- b) Pengedaran borang soal-selidik kepada responden sewaktu program JPNIN Daerah Petaling Jaya bersama masyarakat di kawasan tersebut.

4.2 Saiz Sampel

Pasukan penyelidik berjaya memperolehi sebanyak 147 responden iaitu 87 responden Melayu dan 57 responden India dari 300 soal selidik yang diedarkan di kawasan kajian.

4.3 Lokasi Kajian

Kampung Medan, Petaling Jaya

5. DAPATAN KAJIAN

5.1 Perbandingan Penemuan Kajian 2001 dengan 2006

Perkara	Tahun 2001		Tahun 2006	
	Melayu	India	Melayu	India
Masalah Kehidupan Harian	Pembentangan kos hidup Persekolahan anak-anak Keruntuhan sosial	Pembentangan kos hidup Peluang pekerjaan Pemilikan rumah	Pembentangan kos hidup Keruntuhan sosial Pemilikan rumah	Pembentangan kos hidup Pemilikan rumah Persekolahan anak-anak
Masalah Negara	Ekonomi meleset Gejala sosial Krisis kepimpinan	Ekonomi meleset Gejala sosial Krisis kepimpinan	Gejala sosial Kemiskinan Kekurangan kemudahan	Gejala sosial Kekurangan kemudahan Gengsterisme
Punca Konflik	Gengster/Kerja orang luar Perbezaan Agama Perbezaan etnik	Perbezaan Agama Gengster/Kerja orang luar Perbezaan etnik	Masalah Sosial Golongan Belia Kemiskinan Kekurangan Kemudahan/Infrastruktur	Masalah Sosial Golongan Belia Kekurangan Kemudahan/Infrastruktur Gengsterisme

Perkara	Tahun 2001		Tahun 2006	
	Melayu	India	Melayu	India
Kekerapan Pergaulan Harian	Bertegur sapa, berbincang pelbagai hal dan melawat etnik lain ketika musim perayaan mereka	Berbincang pelbagai hal, bertegur sapa dan melawat etnik lain ketika musim perayaan mereka	Bertegur sapa, membantu rakan dan bersukan dengan etnik lain	Melawat etnik lain ketika musim perayaan mereka, bertegur sapa dan membantu rakan etnik lain.
Situasi Semasa di Kg Medan	Tenteram, selamat, tiada gangguan dan dendam dengan kaum lain	Tenteram, selamat, tiada gangguan dan dendam dengan kaum lain	Kurang tenteram, tidak selamat, terdapat gangguan dan berdendam dengan kaum lain	Kurang tenteram, tidak selamat, terdapat gangguan dan berdendam dengan kaum lain
Situasi Perhubungan di Kg Medan	Selesa bergaul dan pernah terlibat mengelolakan kenduri kahwin kaum lain. Tetapi kurang menghadiri majlis kaum lain.	Selesa bergaul, pernah menghadiri majlis dan terlibat mengelolakan kenduri kahwin kaum lain.	Selesa bergaul dan menghadiri majlis kaum lain. Tetapi kurang melibatkan diri dalam pengelolaan kenduri kahwin orang lain.	Kurang selesa bergaul dan kurang melibatkan diri dalam pengelolaan kenduri kahwin kaum lain. Tetapi masih menghadiri majlis kaum lain.
Hasrat terus menetap di Kg Medan	Bersetuju	Bersetuju	Bersetuju	Kurang bersetuju
Batasan Etnik	Membeli barang di kedai runcit yang diusahakan kaum Melayu. Meluluskan pinjaman bank kepada pemohon kaum Melayu. Menyewakan rumah kepada penyewa kaum Melayu	Membeli barang di kedai runcit yang diusahakan kaum India. Meluluskan pinjaman bank kepada pemohon kaum India Menyewakan rumah kepada penyewa kaum India	Membeli barang di kedai runcit yang diusahakan kaum lain. Masih meluluskan pinjaman bank kepada pemohon kaum Melayu. Menyewakan rumah kepada penyewa kaum lain.	Membeli barang di kedai runcit yang diusahakan kaum lain. Masih meluluskan pinjaman bank kepada pemohon kaum Melayu. Menyewakan rumah kepada penyewa kaum lain.

Perkara	Tahun 2001		Tahun 2006	
	Melayu	India	Melayu	India
Ideologi Kebangsaan	Lagu Negaraku wajib dihormati. Melanggar undang-undang tidak boleh diterima Hak Melayu perlu dihormati	Lagu Negaraku wajib dihormati. Melanggar undang-undang tidak boleh diterima Hak Melayu perlu dihormati	Lagu Negaraku wajib dihormati. Melanggar undang-undang boleh diterima dan dilaksanakan. Hak Melayu perlu dihormati (lebih menebal).	Lagu Negaraku wajib dihormati. Melanggar undang-undang tidak boleh diterima Hak Melayu perlu dihormati
Agensi yang berkesan menguruskan konflik	Polis FRU JKKK	Polis FRU Polis Hutan	Polis Rukun Tetangga FRU	Polis Rukun Tetangga FRU

6. RUMUSAN KAJIAN

Rumusan keseluruhan berdasarkan penemuan kajian ialah masyarakat Kg. Medan adalah sejahtera, perhubungan kaum dan pembinaan bangsa mereka ada lah baik. Namun begitu data perbandingan dengan tahun 2001 menunjukkan pola positif ini merosot peratusannya dan ini bermakna kesejahteraan dan perpaduan yang dikehendaki sekarang ini tidak boleh diambil dengan sikap sambil lewa sahaja.

Untuk menjamin perpaduan, kestabilan dan kemakmuran negara berterusan, langkah yang terancang perlu diambil untuk mengatasi masalah harian dan persekitaran hidup mereka yang sedang melanda penghuni-penghuni di Kg. Medan dan juga di kawasan-kawasan bandar-bandar lain yang memiliki ciri sosio-ekonomi yang sama, agar negara ini dapat mengelak dari berhadapan dengan konflik antara kaum seperti yang telah terjadi di Kg. Rawa, Pulau Pinang, di Sentul dan Puchong, W.P. Kuala Lumpur dan di Ipoh, Perak.

Penghuni setinggan Kg. Medan yang telah dipindahkan ke rumah teres, pangsapuri dan rumah pangsa kos rendah perlu diberi perhatian dan disusun atur kegiatan serta program dalam masyarakat mereka untuk memastikan perubahan fizikal yang dialami ini bergerak

seiring dengan perubahan budaya hidup yang menjurus ke arah kemakmuran dan perpaduan.

7. CADANGAN PROGRAM TINDAKA PEMUPUKAN PERPADUAN NEGARA

- a) JPNIN mesti memperbanyakkan lagi jumlah Rukun Tetangga sesuai dengan jumlah pertambahan penduduk setempat, di kawasan perumahan yang terdiri dari pelbagai etnik dan memberi keutamaan pada komuniti berpendapatan rendah di bandar.
- b) IKLIN perlu memperbanyakkan lagi kursus untuk mengukuhkan kemahiran kepimpinan Rukun Tetangga dan kemahiran pengembelingan ahli-ahli masyarakat untuk terlibat dalam program Rukun Tetangga di kawasan kajian.
- c) Rukun Tetangga perlu diberi kemahiran mengurus persepsi negatif dalam masyarakat tentang perhubungan etnik dengan mempertingkatkan kemahiran kepekaan etnik dan hubungan silang budaya dalam komuniti setempat.
- d) Kegiatan masyarakat yang bersifat budaya, agama dan komersial perlu diperkuatkan lagi dengan program-program yang lebih tersusun, bukan sahaja bagi sesatu etnik itu bahkan juga yang melibatkan penglibatan pelbagai etnik dan agama.
- e) Rukun Tetangga perlu memberi tumpuan juga kepada kegiatan ekonomi tambahan pendapatan, kemahiran kerjaya, pembangunan keluarga (kemahiran keibubapaan, kanak-kanak dan belia) dan kemahiran kaunseling.
- f) Kegiatan berpersatuan perlu dikategori mengikut umur kanak-kanak sekolah, belia dan ibubapa.
- g) Kemudahan rekreasi dan riadah perlu diperbanyakkan di dalam komuniti untuk mengukuhkan pergaulan di antara kanak-kanak dan ibu bapa mereka dari pelbagai etnik dan agama.